

11 DEC 1999

Uggah-Timbangan Menteri

DOUGLAS UGGAH DILANTIK TIMBALAN MENTERI DI JPM

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan pelantikan seorang lagi Timbalan Menteri iaitu Datuk Douglas Uggah Embas sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pelantikan Uggah, dari Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) itu, merupakan kenaikan pangkat kerana sebelum ini beliau merupakan Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Uggah, 44, merupakan satu-satunya calon yang menang tanpa bertanding bagi kerusi Parlimen Betong di Sarawak pada pilihan raya umum yang lepas. Beliau juga tidak dicabar pada pilihan raya umum sebelumnya pada 1995.

Pengumuman pelantikannya itu dibuat dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Menurut kenyataan itu, Uggah akan mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong bersama-sama menteri-menteri dan timbalan-timbangan Menteri yang lain Selasa ini.

Uggah pernah menjadi Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri pada 1990 sebelum berpindah ke Kementerian Pembangunan Luar bandar bagi menyandang jawatan sama pada 1995.

Beliau menjadi Anggota Parlimen kawasan Betong sejak 1986.

Dilahirkan di Spaoh, Betong, Uggah berkelulusan sarjana muda dengan kepujian dalam bidang ekonomi daripada Universiti Malaya pada 1976.

Beliau pernah menjadi setiausaha politik kepada Ketua Menteri Sarawak dari 1977 hingga 1986, dan dalam PBB, beliau adalah seorang anggota Majlis Tertinggi parti itu.

--BERNAMA

AFY ARA MAI